

POLITIK CITRA di MALAYSIA

ANTARA KEBENARAN DAN KEPALSUAN

9595
SM

ISMAIL HASHIM YAHAYA



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA

POLITIK CITRA di Malaysia



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA

Strategic Information and Research Development Centre (SIRD) adalah sebuah badan penerbit bebas yang ditubuhkan pada Januari 2000 di Petaling Jaya, Malaysia. Penerbitan **SIRD** merangkumi pelbagai bidang pengajian ilmu seperti pengajian Malaysia dan Asia Tenggara, pengajian gender, sains sosial, politik, ekonomi dan hubungan antarabangsa. Buku terbitan kami juga sesuai untuk semua lapisan masyarakat khususnya komuniti ilmunan, pelajar, badan bukan kerajaan (NGO), pembuat polisi, dan masyarakat awam.

SIRD juga mengedarkan buku (melalui cabang organisasinya; **GB Gerakbudaya Enterprise Sdn Bhd**) terbitan cendekiawan dan institusi-institusi penerbitan, NGO-NGO, dan penerbit-penerbit bebas yang lain. Selain itu, kami juga menganjurkan seminar, forum dan diskusi berkumpulan. Kami percaya, semua ini adalah bermanfaat untuk pembangunan dan penggabungan gagasan pemikiran kebebasan awam dan demokrasi.

POLITIK CITRA di Malaysia

ANTARA KEBENARAN DAN KEPALSUAN

ISMAIL HASHIM YAHAYA

PUSTAKA PERDANA



1010601

Strategic Information and Research Development Centre
Petaling Jaya, Malaysia



Hakcipta © 2014 Ismail Hashim

Diterbitkan pada tahun 2014 oleh
Strategic Information and Research Development Centre
No. 2, Jalan Bukit 11/2, 46200 Petaling Jaya, Selangor, Malaysia.
Email: gerak@gerakbudaya.com
Website: www.gerakbudaya.com

Hak cipta terpelihara. Tidak boleh menyalin apa jua kandungan buku ini dengan apa pun bentuk dan cara-elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada penerbit.

Perpustakaan Negara Malaysia / Cataloguing-in-Publication Data

Ismail Hashim Yahaya

Politik Citra di Malaysia: Antara Kebenaran dan Kepalsuan / Ismail Hashim
Yahaya

1. Political culture–Malaysia.
2. Malaysia–Politics and government.

I. Judul.

320.9595

ISBN 978-967-0630-41-0

Atur huruf dan pereka bentuk kulit buku oleh Janice Cheong

Dicetak oleh Vinlin Press Sdn Bhd
2, Jalan Meranti Permai 1,
Meranti Permai Industrial Park,
Batu 15, Jalan Puchong,
47100 Puchong, Selangor, Malaysia.

320.9595
ISM



KANDUNGAN

<i>Prakata</i>	vii
<i>Kata Pengantar: Wan Hamidi Hamid</i>	ix
<i>Kata Pengantar: Profesor A Murad Merican</i>	xii
<i>Bab 1</i> Awas dengan 'Politik Citra' Semasa Pilihan Raya	1
<i>Bab 2</i> Citra dan Politik Narsisisme Pilihan Raya ke-13	4
<i>Bab 3</i> Negara Dalam Ancaman Demokrasi Citra	8
<i>Bab 4</i> Demokrasi Jadi Hedonikrasi	12
<i>Bab 5</i> Pesta Perhimpunan Agung?	16
<i>Bab 6</i> Rakyat dan Demokrasi Gelap	19
<i>Bab 7</i> Mengamati Politik Pecutan Menjelang Pilihan Raya	24
<i>Bab 8</i> Pilihan Raya dan Pemilihan Negara Kuat	28
<i>Bab 9</i> Kerajaan Gelap?	31
<i>Bab 10</i> Banaliti Kemerdekaan?	34
<i>Bab 11</i> Politik 'Gesture' Menjelang Pilihan Raya	37
<i>Bab 12</i> Rasionaliti-irasionaliti Politik Negara	41
<i>Bab 13</i> Projek Merdeka: Orientasi Kemandirian	46
<i>Bab 14</i> Medan Sejuta Dusta?	51

<i>Bab 15</i>	Krisis Moral Politik	53
<i>Bab 16</i>	Mohamad Sabu, Mat Indera, dan <i>Chronopolitics</i>	56
<i>Bab 17</i>	Mega Hitam Politik Bangsa?	60
<i>Bab 18</i>	Kuala Besut dan Politik Puasa	64
<i>Bab 19</i>	Ekonomi Hasrat Disebalik Projek Mega?	67
<i>Bab 20</i>	Seksualiti Merdeka dan Politik Tubuh	72
<i>Bab 21</i>	Ironisme Ahli Akademik di Negara Ini?	76
<i>Bab 22</i>	Siri Pembunuh Upahan Tonjol Kejahatan Sempurna?	81
<i>Bab 23</i>	Banaliti Kematian Daripada Perspektif Media	85
<i>Bab 24</i>	Jenayah Kolektif Barat hasil Pembunuhan Kejam di Mesir	90
<i>Bab 25</i>	Konflik Syria Bukan Perang Mazhab?	94
<i>Bab 26</i>	Percaturan Geo Politik di Sebalik Serangan Israel ke Atas Gaza	100
<i>Bab 27</i>	Rohingya dan Myanmarisme Baharu	106
<i>Bab 28</i>	Mesin Hasrat Raksasa dalam Pembunuhan Beramai-ramai di Mesir	110
<i>Bab 29</i>	Awas dengan politik kepalsuan!	114
<i>Bab 30</i>	Demokrasi Multikultural	118
<i>Bab 31</i>	Gaya Kejahatan Politik	121
<i>Bab 32</i>	Citra Sedih Lahad Datu dan Semporna	124

PRAKATA

Dengan izin dan perkenan Yang Maha Kuasa buku ini dapat diterbitkan. Ia adalah hasil daripada penyiaran artikel-artikel saya dalam The Malaysian Insider dan Detikdaily.net.

Anda mungkin menemukan tulisan di sini tidak sistematik dan tidak mengikuti urutan yang logik. Mungkin juga anda akan menemukan idea yang berulang terdapat dalam artikel ini.

Oleh itu percayalah walaupun urutannya tidak sistematik, tulisan ini dapat memberikan ilham kepada anda untuk menemukan gagasan anda sendiri ke arah keilmuan yang penuh inovasi dan berkreatif.

Persoalan buku banyak membicarakan realiti. Realiti selalu menampakkan kehadirannya dalam cara yang berbeza. Kekadang ia hadir umpama suatu dugaan atau halangan. Tetapi sering juga hadir dalam keadaan tidak terduga seperti dalam bentuk citra yang tampak dalam susunan tetapi sering pula dalam bentuk 'chaos' atau ketidakberaturan. Kekadang realiti muncul dalam refleksi yang rasional dan sering pula dalam refleksi yang tidak rasional.

Apa lagi jika realiti yang dibicarakan itu adalah realiti politik citra yang telah menggabungkan antara kebenaran dan kepalsuan.

Bagi saya sendiri, buku ini merakamkan segala perkembangan isu-isu semasa terutamanya politik yang berlaku antara tahun 2011-2013.

Buku ini adalah upaya kecil cuba memahami dunia politik yang penuh dengan imej dan citra di negara ini telah menggabungkan kebenaran dan kepalsuan.

Begitu kompleks dan rumitnya topografi politik di negara kita ini sehingga penampilan realiti itu sendiri kabur penuh dengan simulasi iaitu tanda-tanda yang menyimpang dari realiti itu sendiri.

Sebagaimana terdapat dalam buku ini, artikel-artikel saya berkecenderungan semiotika. Semiotika mempelajari hubungan elemen-elemen tanda di dalam sebuah sistem berdasarkan aturan utama dan konvensional yang tertentu. Ia juga mengkaji peranan tanda sebagai sebahagian daripada kehidupan sosial.

Sehingga kini tidak dipastikan sama ada terdapat penulis lain yang mengeksplorasi penulisan mereka bersandarkan kepada semiotika atau semiotika teks sebagai cabang daripada ilmu semiotika.

Penulisan saya banyak menggunakan semiotika teks. Ia adalah suatu eksperimen atau percubaan dalam penulisan artikel terutamanya berkaitan dengan aspek komunikasi atau berkaitan dengan aspek pencitraan.

Semiotika teks dapat ditakrifkan sebagai pesanan-pesanan atau komunikasi – baik yang merupakan tanda verbal mahupun visual atau lebih spesifik adalah mesej-mesej dan komunikasi bertulis iaitu produk bahasa dalam bentuk tulisan. Tanda merupakan bahagian daripada kehidupan sosial. Melalui konvensional sosial, ia memberikan makna dan nilai sosial.

Menurut Saussure, tanda merupakan kesatuan yang tidak dapat dipisahkan dari dua aspek iaitu penanda (signifier) iaitu untuk menjelaskan bentuk dan ekepresi dan petanda (signified) untuk menjelaskan konsep atau makna.

Terdapat beberapa pengubahsuaian kepada rencana saya ini yang perlu dikemaskan kini walaupun telah disiarkan oleh laman sesawang Malaysian Insider dan Detikdaily.net. Terima kasih tidak terhingga saya kepada Dr Yasraf Amir Piliang dimana idea-idea beliau telah saya garap menjadikan rencana untuk penulisan buku ini.

Saya juga ingin merakamkan terima kasih kepada kedua laman sesawang ini kerana telah menyiarkan artikel saya sepanjang tahun 2011–2013 yang membolehkan dikumpulkan untuk dijadikan buku.

Terakhir, saya ingin merakamkan penghargaan yang setulusnya dan terima kasih saya yang tidak terhingga kepada Puan Azura Mohd Awal (mantan penolong pendaftar kanan Fakulti Komunikasi dan Media, Universiti Selangor) yang dalam sekelip mata (adalah keajaiban bagiku) telah dapat menyusun artikel-artikel ini, mengedit dan menyiapkan manuskrip ini sehingga merealitkannya menjadi sebuah buku.

Ismail Haim
Kepong Baru,
Kuala Lumpur 2014